



● Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah meneliti hasil kerjatangan ahli Pelitawanis.

# Hulurkan derma, kenangkan jasa pahlawan negara

**KUALA LUMPUR, Sabtu**  
Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah menyeru para derma supaya menderma bagi menjayakan kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan dari esok sehingga 31 Ogos.

Dalam usaha mendapatkan sumbangan pihak penganjur, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia akan mengambil beberapa langkah, termasuk menjual bendera-bendera kecil, pelekat-pelekat kereta dan cendermata.

Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah, da-

lam ucapannya menerusi RTM malam ini berkata, kutipan ini tidaklah bermakna bekas-bekas pahlawan memohon chsan atau meminta supaya segala pengorbanan dan budi mereka itu dibalas dan dinilai dengan wang ringgit.

"Tetapi setengah dari pahlawan yang gugur m e n i n g g a l k a n tanggungan yang ramai perlu diberi perhatian wajar, seperti juga bekas perajurit yang cacat dan uzur.

"Sebagai rakyat yang cintakan negara ini, kita seharusnya berbangga

kerana berpeluang membalas budi pahlawan-pahlawan tanahair melalui kutipan ini."

Tahun lepas, rayuan ini berjaya mengumpul-kan \$692,000.

Jumlah ini membolehkan Persatuan mengeluarkan \$338,000 berbanding dengan \$315,000 pada tahun sebelumnya untuk berbagai jenis bantuan.

Isteri Perdana Menteri juga berkata pemilihan tarikh pelancaran dan penutup sungguh memberi erti kepada rakyat kerana ia melambangkan perjuangan ser-

ta pengorbanan rakyat sehingga tertubuhnya Malaysia.

"31 Julai 1960 ialah hari Kerajaan mengisytiharkan lamatnya darurat selepas 12 tahun, yang bermakna kita terlepas dari ancaman penganas-penganas komunis dan anasir-anasir subversif sementara 31 Ogos pula adalah Hari Kebangsaan kita.

"Peristiwa yang berlaku pada kedua-dua tarikh itu melambangkan kemuncak dan hari kemenangan kepada perjuangan segenap lapisan masyarakat yang sentiasa berastu hati bagi memastikan keselamatan, kemakmuran, kebahagiaan dan kestabilan politik di dalam negara yang berdaulat dan bebas perlembagaan sentiasa terjamin," tambahnya.

Pagi tadi Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah melawat Persatuan Wanita Lembaga Elektrik Negara di Jalan Bangsar.

Beliau dibawa melihat hasil-hasil kerjatangan ahli-ahli dan diraikan dengan pertunjukan tari dan persembahan bonca dari kanak-kanak taman didikan yang diusahakan sendiri oleh Peratuan.

Persatuan itu juga menjalankan aktiviti-aktiviti sosial seperti kelas memasak, kerjatangan dan sukan untuk ahli-ahli.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 5840 .....  
No. Pem. .... 157 / 86 .....